



MOSTI lancar NAVi, inisiatif kenderaan tanpa pemandu

November 30, 2021 @ 5:46pm



NAVi kini sedang menjalani fasa ujian di Taman Teknologi Malaysia (TPM) di Bukit Jalil. - FB TPM

KUALA LUMPUR: Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba hari ini melancarkan Inisiatif Kenderaan Autonomi NanoMalaysia (NAVi), kenderaan tanpa pemandu sebagai persediaan membangunkan teknologi berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Beliau juga merasmikan demonstrasi Robot Penghantaran Berautonomi NanoMalaysia atau 'NAVi Delivery' (NAVi-D) yang direka khusus untuk sektor penghantaran jarak akhir atau 'last mile delivery'. NAVi-D adalah evolusi daripada NAVi yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan penghantaran bungkusan dan produk makanan.

Pembangunan kenderaan autonomi tahap 4 adalah inisiatif di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi NanoMalaysia Berhad (NMB), menumpukan pada sektor pengangkutan, manakala NAVi-D akan dilengkapi sistem yang memenuhi keperluan sektor penghantaran jarak akhir.

Dalam satu kenyataan, MOSTI menjelaskan, teknologi teras NAVi-D berasaskan seni bina perisian NAVi yang dipertingkatkan untuk penggunaan yang khusus berkenaan.

NAVi dicipta sebagai persediaan untuk sektor pengangkutan dan automotif Malaysia memasuki era sistem autonomi. Selain menyokong inovasi dan penerimgunaan IR 4.0, ia juga untuk menangani kadar dan punca kemalangan jalan raya di negara ini yang

semakin meningkat seperti laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia.

"Kenderaan yang mencapai autonomi tahap 4 mampu untuk bertindak balas dengan cekap dalam menangani gangguan tumpuan dan tindak balas pemandu yang terhad dan dengan kelebihan itu, insiden yang tidak diingini boleh dielakkan," kata kementerian berkenaan.

MOSTI juga akan menganjurkan projek pemula di bawah 'National Technology and Innovation Sandbox' (NTIS) sebagai usaha untuk meningkatkan standard keselamatan jalan raya dengan menjalankan beberapa siri ujian tertumpu kepada kawasan dan ruang selamat.

Dr Adham berkata, pandemik COVID-19 telah menyaksikan dunia berubah melangkah ke era pendigitalan dan dari situ, timbul permintaan yang tinggi untuk mengurangkan sentuhan dalam berinteraksi serta selaras dengan inisiatif 'high tech, low touch' yang diterajui MOSTI.

"Salah satu kesan limpahan perkembangan industri ini ialah peningkatan permintaan untuk pekerjaan berkaitan teknologi seperti pembangun perisian dan perkakasan, selain jurutera mekatronik yang diperlukan bagi membina NAVi selaras dengan aspirasi rangka kerja 10-10 MySTIE untuk membangunkan modal insan bernilai tinggi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif NMB, Dr Rezal Khairi Ahmad, berkata sektor pengangkutan penumpang akan menjadi matlamat jangka sederhana hingga panjang bagi semua pihak dan penggunaan NAVi secara komersial bagi sektor itu adalah usaha yang bijak.

"NAVi akan mewujudkan sistem penghantaran yang lancar dengan kadar kemalangan minimum akibat kesilapan manusia, menjimatkan masa serta penghantaran yang lebih baik dan cekap," katanya.

NAVi kini sedang menjalani fasa ujian di Taman Teknologi Malaysia (TPM) di Bukit Jalil dengan laluan sepanjang 12 kilometer dalam Fasa 1 hingga 3 TPM dijadual menjadi laluan yang diluluskan untuk AV di bawah rangka kerja makmal amali Hab Inovasi Antarabangsa TPM.

Bagi menyokong pembangunan penyelesaian AV pada masa akan datang, infrastruktur seperti tanda jalan, papan tanda, pusat arahan pusat dan sambungan 5G kini sedang dibina. TPM akan menjadi tapak utama kemudahan ujian untuk teknologi kenderaan autonomi. - BERNAMA